

penarafan antarabangsa



Pencapaian baik pada penarafan kali ini pasti menjadi pendorong kepada warga universiti untuk lebih bersemangat mencapai sasaran ditetapkan"

Prof Dr Awang Bulgiba Awang Mahmud,
Pemangku Naib Canselor UM



Sokongan padu daripada Kementerian Pendidikan

Tinggi dan rakan strategik mengukuhkan kecemerlangan kami"

Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali,
Naib Canselor UKM

Dorongan terus cemerlang di persada dunia

Kuala Lumpur: Peningkatan reputasi dalam kalangan majikan dan akademik menjadi antara faktor penyumbang kepada pencapaian Universiti Malaya (UM) yang semakin baik dalam Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2017-2018 dengan menduduki tangga 114.

Pemangku Naib Canselor UM, Prof Dr Awang Bulgiba Awang Mahmud, berkata biarpun pengurusan dan pentadbiran universiti penyelidikan (RU) negara itu tidak menjangkakan akan berjaya melonjak 19 tangga dari kedudukan tahun lalu, penstrukturan semula program pengantarabangsaan yang lebih fokus serta pelaksanaan Pelan Strategik UM 2016-2020 membantu pencapaian itu.

"Berdasarkan pelan strategik itu, UM menyasarkan untuk mencapai kedudukan 100 terbaik menjelang 2020 dan saya berharap hasrat berkenaan dapat dicapai hasil komitmen dan kerjasama semua pihak," katanya yang juga Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

Lonjakan saujana

Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali, berkata peningkatan kedudukan universiti itu dari tangga ke-302 pada penarafan 2016-2017 ke tangga 230 kali ini, menyaksikan lonjakan saujana hingga 72 tangga.

Beliau berkata, pencapaian membanggakan itu adalah hasil peningkatan reputasi kesarjanaan oleh ahli akademik, pentadbiran dan pengurusan, pelaksana, mahasiswa, alumni serta reputasi daripada majikan, memandangkan UKM menjadi pilihan sarjana dan industri pada peringkat dunia.

"Dalam tempoh muda, iaitu baharu 47 tahun kewujudan, UKM berjaya membuktikan bahawa Malaysia juga mampu membina dan melahirkan sebuah universiti berlandaskan inspirasi rakyat yang terkemuka dan terhormat di mata dunia," katanya.

Sementara itu Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Datuk Dr Asma Ismail, berkata asas pengurusan kukuh dan betul

yang dilaksanakan warganya menjadi pencetus kejayaan universiti berkenaan meningkatkan kedudukan dari tangga ke-330 pada penarafan 2016-2017 kepada tangga ke-264 kali ini.

Prinsip untuk berjaya

Beliau berkata, peningkatan sebanyak 66 tangga itu cukup membanggakan kerana usaha giat yang dijalankan USM bagi memenuhi penilaian penyelidikan, pengajaran, kebolehpasaran dan pengantarabangsaan, berjaya membuah hasil.

Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Datuk Ir Dr Wahid Omar, pula berkata prinsip jika sesuatu perkara dirancang dengan baik, pasti berjaya yang ditegakkan warganya, menjadi pendorong universiti itu meningkatkan kedudukan dari tangga ke-288 sebelum ini ke tangga 253 dalam penarafan 2017-2018.

"Kejayaan ini sejajar Pelan Global UTM 2012-2020 untuk meletakkan universiti dalam kelompok 50 terbaik dunia bagi bidang sains, teknologi dan kejuruteraan," katanya.



Dalam usaha meletakkan universiti pada kedudukan yang baik, USM

memastikan perkara paling penting harus dilakukan pengurusan ialah menyelesaikan setiap masalah secepat dan sebaiknya"

Prof Datuk Dr Asma Ismail,
Naib Canselor IISM



Budaya kerja cemerlang diamalkan warga UTM juga

membantu universiti ini mencapai kejayaan yang baik walaupun baru menerima status sebagai RU berbanding empat universiti lain"

Prof Datuk Ir Dr Wahid Omar,
Naib Canselor UTM

RU negara tembusi ke 300 universiti terbaik



Idris (dua dari kanan) meraikan kejayaan semua RU negara memasuki kelompok satu peratus teratas dunia dalam penarafan QS World University Rankings 2017-2018.

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

Kuala Lumpur

Hubungan baik dijalinan Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan universiti terkemuka dunia melalui kerjasama penyelidikan berimpak tinggi dan bertaraf antarabangsa, menjadi antara faktor kejayaan universiti itu menduduki tangga ke-229 dalam penarafan Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2017-2018 yang diumumkan baru-baru ini.

UPM yang muncul

universiti kedua terbaik negara menyusuli Universiti Malaya (UM) dalam senarai dikeluarkan selepas melonjak dari kedudukan tangga ke-270 sebelum ini, turut bekerjasama dengan institusi pendidikan tersohor global bagi mempromosikan nama dan produk tempatan, sekali gus mencapai sasaran digariskan dalam penarafan itu.

Naib Canselornya, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris, berkata UPM sentiasa mengandungi indikator bertaraf antarabangsa yang ditetapkan seperti strategi meningkatkan jumlah pensyarah luar negara dan kualiti akademik serta pelajar.

"Peningkatan kualiti kur-

kulum dan kebolehpasaran pelajar boleh meningkatkan reputasi serta jaringan UPM dengan industri yang menjadi hakal majikan.

Perkukuh fundamental

"Universiti ini juga memperkukuhkan fundamental dari setiap aspek akademik, penyelidikan, pensyarah, mahasiswa dan program kampus supaya layak menempatkan diri dalam QS World University Rankings," katanya.

UPM yang mencatat kenaikan prestasi lima tahun berturut-turut melangkaui 41 tangga dalam penarafan terbaru, selain memperoleh skor tertinggi dalam kalangan universiti tempatan bagi indikator Pelajar Antarabangsa dan mencapai peningkatan skor dalam tiga indikator, iaitu Reputasi Akademik, Reputasi Majikan dan Ration Pelajar Fakulti.

Prof Aini berkata, selaras visi UPM menjadi universiti bertaraf antarabangsa, kedudukan dalam penarafan antarabangsa itu membantu mendai tahap visibiliti, terutama dari aspek pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan inovasi.

info

Kedudukan lima RU Malaysia dalam QS World University Rankings

RU	2016-2017	2017-2018
UM	133	114 (naik 19 tangga)
UPM	270	229 (naik 41 tangga)
UKM	302	230 (naik 72 tangga)
UTM	288	253 (naik 35 tangga)
USM	330	264 (naik 66 tangga)

Satu peratus teratas

Melalui pencapaian baik itu, beliau berkata, UPM positif untuk mencapai kedudukan 200 terbaik dunia menjelang 2020.